

ISU

Tipu cuti sakit kesalahanan serius



ZAID



SHAMSUDDIN



AZIH

SJIL cuti sakit (MC) merupakan satu keistimewaan yang diberikan kepada seseorang individu oleh pengamal perubatan atas faktor-faktor kesihatan. Menerusi MC itu, seseorang individu tersebut berhak memperoleh cuti bergaji daripada pihak majikan sehingga tahap kesihatan mereka pulih seperti sediakala.

Dalam proses pemberian dan penerimaan MC, terdapat tiga pihak yang terlibat iaitu doktor, pekerja dan jabatan sumber manusia di sesebuah organisasi. Begitupun, terdapat segelintir pekerja yang mengambil kesempatan memalsukan MC untuk memperoleh cuti dengan mudah daripada majikan.

Menurut bekas Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad, pemalsuan MC merupakan salah satu kesalahan yang serius dalam sesebuah organisasi sama ada kerajaan atau swasta.

Katanya, walaupun kesalahan itu kecil, ia melibatkan soal integriti seseorang pekerja itu.

"Kesalahan ini jelas menunjukkan sifat seseorang pekerja itu yang tidak jujur. Ia satu kesalahan yang serius," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Ujar Zaid, faktor utama masalah itu berlaku adalah disebabkan oleh tindakan pengamal perubatan di negara ini mengetatkan pemberian MC kepada pesakit.

Katanya, situasi itu menyebabkan sesetengah pekerja sanggup mengambil jalan singkat dengan memalsukan MC bagi kepentingan peribadi.

"Saya tahu, cuti MC adalah hak pekerja. Namun, jangan menipu untuk mendapatkan cuti dengan senang."

"Ramai yang memandang ringan terhadap kesalahan ini. Namun, cuba bayangkan apa akan terjadi kepada sesebuah organisasi itu jika ia berleluasa dan terus dipandang sepi,"

katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan menyeru majikan supaya membuat laporan polis seandainya terdapat pekerja yang melakukan kesalahan berkenaan.

Katanya, langkah itu dapat memberi pengajaran dan kesedaran kepada pekerja



TIGA kakitangan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dihadapkan ke Mahkamah Seremban atas pertuduhan menggunakan sijil sakit palsu baru-baru ini.



PENGUNAAN MC palsu merupakan satu kesalahan yang melibatkan integriti. - Gambar hiasan

lain supaya tidak melakukan kesalahan sama.

Dipenjarakan

"Pesalah MC palsu boleh didakwa di bawah Seksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan jika sabit kesalahan, mereka boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan," katanya.

Pada 31 Mei lalu, *Kosmo!* melaporkan tiga kakitangan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dihadapkan ke Mahkamah Seremban atas pertuduhan menggunakan sijil sakit palsu sejak dua tahun lalu.

Tertuduh, Mazlan Ahmad, 48, Rosyanizam Yahya, 38, dan Muhamad Gafiz Mohamad Sarpan, 33, didakwa melakukan kesalahan itu antara tahun

2014 hingga 2015.

Pada 24 Mei 2010, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mendedahkan, tiga peratus daripada penjawat awam memalsukan sijil cuti sakit.

Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan kakitangan yang terlibat dalam penggunaan MC palsu.

Katanya, CUEPACS tidak akan membela atau memperjuangkan sama sekali kakitangan yang ditangkap melakukan kesalahan tersebut.

"Kami menganggap penggunaan MC palsu sebagai satu kesalahan besar. Ini kerana, kakitangan itu telah menipu majikan mereka sendiri iaitu kerajaan."

"Setakat ini, kami tidak pernah menerima sebarang permohonan daripada kakitangan untuk membuat pembelaan terhadap kesalahan MC palsu," katanya.

Katanya, jika terbukti pekerja itu mendapatkan MC palsu, majikan boleh tidak meluluskan cuti sakit seperti yang dipohon atau melaporkan kepada pihak polis dan mengesyorkan tindakan tatatertib diambil terhadapnya.

Dalam pada itu, Azih turut menyeru kepada semua penjawat awam supaya sentiasa fokus pada kerja seharian dan tidak melakukan perkara yang salah.

Jelasnya, penjawat awam seharusnya bersyukur dan menghargai tugas yang digalas ketika ini.

"Dalam zaman yang serba mencabar ini, mereka perlu menghargai pekerjaan sekarang. Jika tidak, ia akan merugikan diri sendiri dan keluarga mereka," katanya.



KERATAN *Kosmo!*
31 Mei 2016.